

UUM ONLINE: Pelan Transformasi Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk jangka masa 10 tahun ke arah mencapai sebuah Universiti Pegurusan Terkemuka dan Universiti Penyelidikan dalam bidang Pengurusan dan Sains Sosial dilancarkan oleh Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak sempena Majlis Amanat Tahun Baru 2011 di Dewan Mua'dzam Shah kampus ini, pagi tadi.

Teras Strategi utama yang mengambil kira agenda kritikal PSPTN supaya tidak tersasar daripada agenda negara ini dibahagikan kepada dua fasa iaitu 2011 hingga 2015 yang menumpukan peringkat nasional, manakala 2016 hingga 2020 pula meletakkan UUM di peta antarabangsa.

Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, pelan transformasi yang dilancarkan ini merupakan satu 'roadmap' tentang hala tuju yang perlu dicapai oleh universiti ini ke arah Universiti Pengurusan Terkemuka.

Beliau menambah, walaupun pelaksanaannya dibahagikan kepada dua fasa dalam tempoh 10 tahun namun ianya saling berkait kerana kejayaan jangka panjang universiti ini bergantung kepada kejayaan UUM mencapai dan melaksanakan semua pelan tindakan yang telah digariskan pada fasa pertama.

Katanya, fasa pertama yang bermula tahun ini hingga 2015 akan memberikan tumpuan untuk meletakkan UUM di peta akademik tempatan dan bergerak secara sistematik serta terancang dengan memberi tumpuan untuk menjayakan pelan transformasi pertama tanpa mengabaikan pelan transformasi kedua.

"Bagi mencapai fasa pertama ini, empat hala tuju strategik telah digariskan iaitu pertama membangunkan budaya kecemerlangan aktiviti keserjanaan untuk merealisasikan cita-cita bagi mencapai status Universiti Penyelidikan menjelang 2013.

"Persoalan yang sering ditanyakan ialah mengapa RU dan jawapan saya ialah pada masa ini, kesemua lima RU yang ada merupakan universiti yang bertarafkan bidang sains serta teknologi dan UUM yang berteraskan niche Pengurusan," katanya kepada 3,000 staf yang hadir di majlis amanat itu.

Mustafa juga telah mengariskan empat strategik dalam mencapai pelan transformasi iaitu pertama menetapkan KPI yang mesti dicapai oleh setiap staf akademik seandainya cita-cita RU hendak direalisasikan melalui bidang penerbitan, perundingan, pengkomersialan universiti termasuk memperuntukkan hadiah wang tunai sebagai ganjaran kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan jurnal-jurnal berimpak tinggi yang mana diindeks oleh ISI dan Scopus.

Katanya, bagi meramaikan lagi pemegang PhD, UUM telah mensasarkan 70 peratus daripada tenaga akademik berkeelayakan PhD, maka CEDI, IPDM, IMBRE dan NCRC mulai tahun ini akan mempunyai pelajar dalam bidang itu yang akan mencapai dua objektif sekaligus.

"Teras Strategi Kedua pula yang digariskan ialah membangunkan pelajar secara holistik atau menyeluruh baik dari segi kejayaan akademik mahupun modal insan untuk masa depan negara.

"Memperkasa aktiviti akademik dan antarabangsa yang menjadi teras ketiga akan menyaksikan penubuhan pusat-pusat pengajian baru dan jabatan-jabatan di kolej bagi menyerlahkan bidang tujahan atau *niche area* dan kekuatan akademik," katanya.

Beliau berkata, penstrukturan baru kolej juga akan menyaksikan COB dan CAS akan mempunyai lima buah pusat pengajian baru, manakala COLGIS empat buah pusat pengajian.

Mustafa berharap Teras Strategi Ketiga ini mensasarkan beberapa pengiktirafan di peringkat antarabangsa dengan Top Business School 2011 dan AACSB 2012.

"Kedua-dua pengiktirafan sangat penting bukan sahaja sebagai pemberat untuk memohon status RU 2013 tetapi lebih daripada itu untuk melestari gagasan asal penubuhan UUM sebagai universiti pengurusan," katanya.

Katanya, melestari sumber kewangan menjadi teras terakhir dan untuk itu perancangan telah diatur termasuk mencari sumber kewangan dengan pembelian hartanah baru, yuran pengajian, yuran penginapan, pelaburan, sewaan, keuntungan daripada seminar yang dianjurkan dan latihan.

"UUM juga akan memohon kepada kerajaan untuk menjadikan kampus ini sebagai zon bebas cukai atau duty free zone memandangkan kedudukannya bersempadan dengan Thailand dan berharap usaha ini akan membantu universiti ini menjadi Universiti Pengurusan dan Perniagaan bertaraf antarabangsa yang dapat menarik lebih ramai pelajar sarjana dari luar negara," ujar beliau lagi.

Bersempena dengan majlis amanat itu beliau turut menurunkan tandatangan dan melancarkan pelan transformasi uum.

Habis.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA